

TERMA DAN SYARAT KAD DEBIT-i HONG LEONG [\(English Version\)](#)

Kemas kini terakhir pada 10 February 2026

Sebagai pertimbangan kepada Hong Leong Islamic Bank Berhad yang bersetuju untuk memberi Perkhidmatan (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa 1.66) kepada Pelanggan dan bersetuju mengeluarkan Kad Debit-i (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa 1.27) termasuk Gabungan (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa 1.2) kepada Pemegang Kad atas permohonan Pemegang Kad, Pemegang Kad berjanji dan bersetuju bahawa dengan menandatangani Kad Debit-i, menggunakan Kad Debit-i dan/atau mengekalkan Akaun (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausa 1.1) akan membentuk sebagai perjanjian Pemegang Kad kepada terma dan syarat ("**T&S**") di bawah ini.

T&S ini hendaklah dibaca bersama secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect dan sebarang terma dan syarat Akaun yang berkaitan, serta peraturan dan pengawalan lain yang mengikat pihak Bank. Definisi berikut adalah terpakai kecuali dinyatakan sebaliknya:

1.0 Definisi dan Interpretasi

- 1.1 "**Akaun**" bermaksud akaun Pemegang Kad atau akaun dengan Hong Leong Islamic Bank/Hong Leong Bank Berhad dan hendaklah termasuk mana-mana akaun baharu lain yang mungkin dibuka dari semasa ke semasa;
- 1.2 "**Gabungan**" bermaksud Kad Debit-i yang ditawarkan oleh institusi kewangan dengan kerjasama dengan institusi lain;
- 1.3 "**Fi Tahunan**" bermaksud fi yang dikenakan ke atas Pemegang Kad setiap tahun;
- 1.4 "**Pihak Berkuasa Berkenaan**" bermaksud mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau percukaian;
- 1.5 "**Apple**" bermaksud Apple Inc.;
- 1.6 "**Apple Pay**" bermaksud platform pembayaran yang dibangunkan oleh Apple yang membolehkan anda membuat pembayaran di kedai dan dalam talian (di dalam aplikasi atau di laman web) menggunakan Kad Mudah Alih anda melalui Peranti Apple yang layak dan serasi;
- 1.7 "**ATM**" bermaksud mesin juruwang automatik:
 - (a) yang dipasang oleh pihak Bank atau mana-mana ahli Rangkaian ATM Kongsi ("**SAN**"); dan/atau
 - (b) yang ditetapkan oleh pihak Bank atau Visa/Mastercard untuk kegunaan Pemegang Kad;
- 1.8 "**Transaksi Kad ATM**" bermaksud penggunaan Kad Debit-i untuk pengeluaran tunai dan transaksi elektronik atau mana-mana kad lain yang mungkin diluluskan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa;
- 1.9 "**Rangkaian Tunai Dibenarkan**" bermaksud cawangan, pejabat dan/atau lokasi yang ditetapkan oleh ahli SAN dan Visa/Mastercard untuk melaksanakan pengeluaran wang tunai;
- 1.10 "**Peniaga Sah**" bermaksud mana-mana peruncit atau perbadanan yang mana selaras dengan Perjanjian Peniaga bersetuju untuk menerima atau menyebabkan cawangannya menerima Kad Debit-i untuk pembayaran atau menurut pengaturan undang-undang dengan MyDebit/Visa/Mastercard bersetuju untuk menerima atau menyebabkan cawangannya untuk menerima kemudahan yang ditawarkan oleh gabungan jenama Visa/Mastercard untuk pembayaran;

- 1.11 **"Transaksi Auto Debit"** bermaksud bayaran berulang melalui Kad Debit-i untuk caj utiliti, insurans atau takaful yang diluluskan oleh pihak Bank sahaja;
- 1.12 **"Bank"** bermaksud Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") atau Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") dan termasuk pewaris dan pemegang serah-hak yang dibenarkan;
- 1.13 **"Hari Perniagaan"** bermaksud hari di mana Bank dibuka untuk perniagaan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak (tidak termasuk hari cuti negeri dan umum), mengikut mana-mana yang berkenaan, dan bila mana transaksi-transaksi yang dipertimbangkan untuk Akaun boleh dilakukan;
- 1.14 **"Pemegang Kad"** bermaksud Pemegang Kad Bank yang mana Kad Debit-i dikeluarkan kepadanya;
- 1.15 **"Fi Penggantian Kad"** bermaksud fi yang dikenakan ke atas Pemegang Kad sekiranya berlaku kehilangan, kecurian atau kerosakan kad;
- 1.16 **"Transaksi Kad"** bermaksud transaksi yang dilaksanakan dengan menggunakan Kad Debit-i untuk transaksi tempatan dan luar negara; Transaksi Kehadiran Kad secara bersemuka serta Transaksi Tanpa Kehadiran Kad dan Transaksi Tanpa Sentuhan secara tidak bersemuka (yang mana berkenaan);
- 1.17 **"Transaksi Kehadiran Kad [Card-Present (CP)]"** bermaksud pembayaran Transaksi Runcit di mana Pemegang Kad mengemukakan Kad Debit-i secara fizikal di Peniaga Sah apabila pembayaran dilakukan;
- 1.18 **"Transaksi Tanpa Kehadiran Kad [Card-Not-Present (CNP)]"** bermaksud pembayaran Transaksi Runcit di mana Pemegang Kad dan Kad Debit-i tidak hadir secara fizikal di Peniaga Sah apabila pembayaran dilakukan;
- 1.19 **"Baki Semasa"** bermaksud baki atau tunai terkini yang terdapat di dalam Akaun Semasa/-i atau Akaun Simpanan/-i ("**CASA-i**") Pemegang Kad;
- 1.20 **"Fi Pengeluaran Tunai"** bermaksud fi yang dikenakan ke atas Pemegang Kad untuk pengeluaran tunai yang berjaya dari ATM;
- 1.21 **"Transaksi Tanpa Sentuhan"** bermaksud kaedah pembayaran yang cepat dan mudah yang menggunakan teknologi komunikasi medan dekat ("**NFC**") bagi membuat pembayaran dengan menyentuh/mengimbas Kad Debit-i pada alat pembaca selamat;
- 1.22 **"Had Pengeluaran Tunai Harian"** bermaksud had maksimum harian yang dibenarkan dan ditetapkan oleh pihak Bank berhubung dengan pengeluaran tunai melalui ATM;
- 1.23 **"Had Belian Dalam Talian Harian"** bermaksud had maksimum Belian Dalam Talian harian yang dibenarkan dan ditetapkan oleh pihak Bank seperti dalam Klausa 13.4 di sini;
- 1.24 **"Had Belian Runcit Harian"** bermaksud had maksimum Belian Runcit harian yang dibenarkan dan ditetapkan oleh pihak Bank seperti dalam Klausa 13.3 di sini;
- 1.25 **"Had Pemindahan Harian"** bermaksud had maksimum harian yang dibenarkan dan ditetapkan oleh pihak Bank berkenaan dengan pemindahan dana melalui ATM dan/atau HLB Connect;
- 1.26 **"DCC"** bermaksud Pertukaran Mata Wang Dinamik, suatu perkhidmatan pilihan yang ditawarkan oleh peniaga luar negara tertentu atau yang tersedia untuk Transaksi Luar Negara tertentu sebagaimana yang ditakrifkan dalam Klausa 21.1 (termasuk Transaksi Kad ATM), yang memberi pilihan pembayaran/pengeluaran tunai dalam Ringgit Malaysia

(termasuk Transaksi Kad dalam mata wang asing), sebagaimana yang dihuraikan dalam Klausa 21;

- 1.27 “**Kad Debit-i**” bermaksud kad debit-i MyDebit/Visa/Mastercard yang dikeluarkan oleh HLISB;
- 1.28 “**Peranti Layak**” bermaksud sebarang peranti elektronik telekomunikasi, termasuk telefon pintar, tablet, jam tangan pintar atau peranti lain yang menyokong penambahan Kad Mudah Alih ke dalam Dompot Mudah Alih, seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank;
- 1.29 “**Fi**” bermaksud fi yang perlu dibayar oleh Pemegang Kad semasa permohonan, secara tahunan atau sebarang tempoh masa yang mungkin ditentukan oleh pihak Bank untuk penggunaan Perkhidmatan yang akan didebit dari Akaun pada setiap tarikh ulang tahun Kad Debit-i dikeluarkan dan termasuk semua fi lain, caj perkhidmatan, komisen dan lain-lain bayaran yang dicaj oleh pihak Bank di bawah T&S ini. Tertakluk pada prinsip Syariah dan garis panduan yang berkaitan, pihak Bank berhak untuk mengubah Fi dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari terlebih dahulu kepada Pemegang Kad;
- 1.30 “**Pemegang Kad Biasa**” bermaksud bukan Pemegang Kad Perbankan Prioriti;
- 1.31 “**Google**” bermaksud Google LLC;
- 1.32 “**Google Pay**” bermaksud platform pembayaran yang dibangunkan oleh Google yang membolehkan anda membuat pembayaran di kedai dan secara dalam talian (melalui aplikasi atau di laman web) menggunakan Kad Mudah Alih anda melalui Peranti Layak yang serasi;
- 1.33 “**Tarikh Baik Sehingga**” bermaksud tarikh luput yang dicetak pada Kad Debit-i;
- 1.34 “**Aplikasi HLB Connect**” bermaksud Aplikasi Perbankan Mudah Alih HLB Connect;
- 1.35 “**HLB Connect**” bermaksud perkhidmatan perbankan internet dan aplikasi perkhidmatan perbankan mudah alih yang disediakan oleh pihak Bank;
- 1.36 “**HLB Meezani Akaun-i**” bermaksud akaun pelaburan harian berdasarkan kontrak perkongsian keuntungan, yang dikenali sebagai kontrak Mudarabah;
- 1.37 “**Pemegang Akaun Bersama**” bermaksud mana-mana Akaun yang mempunyai dua (2) atau lebih nama bersama atau penandatangan yang diberi kuasa;
- 1.38 “**Mastercard**” bermaksud Mastercard International Incorporated, sebuah syarikat yang dikendalikan di bawah Negeri Delaware yang mempunyai ibu pejabat dan tempat perniagaan utamanya di 2000 Purchase Street, Purchase, N.Y. 10577-2509, Amerika Syarikat di mana pihak Bank adalah ahli institusinya;
- 1.39 “**MCCS**” bermaksud Spesifikasi Kad Cip Malaysia yang merupakan skim kad debit EMV (Euro, Mastercard, dan Visa) domestik yang menyokong kedua-dua aplikasi sentuhan dan tanpa sentuhan;
- 1.40 “**Akaun Diaktifkan MCF**” bermaksud Akaun Pemegang Kad di mana MCF (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 1.50 di sini) telah diupayakan yang mungkin termasuk Akaun Pembelian Runcit;
- 1.41 “**MEPS**” bermaksud Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd., penyedia perkhidmatan rangkaian antara bank di Malaysia;
- 1.42 “**Perjanjian Peniaga**” bermaksud perjanjian yang ditandatangani di antara Peniaga Sah dan pihak Bank;
- 1.43 “**Fi Penyata Bulanan**” bermaksud fi bulanan yang dikenakan ke atas Pemegang Kad

untuk penyata bulanan bercetak;

- 1.44 **“Kad Mudah Alih”** bermaksud versi digital kad anda yang anda tambah ke dalam Dompot Mudah Alih pada Peranti Layak anda;
- 1.45 **“Transaksi Kad Mudah Alih”** bermaksud sebarang transaksi yang menggunakan Kad Mudah Alih anda;
- 1.46 **“Dompot Mudah Alih”** bermaksud sebuah aplikasi yang dipasang pada Peranti Layak yang membolehkan Kad Mudah Alih anda disimpan bagi membolehkan Transaksi Kad Mudah Alih dilakukan;
- 1.47 **“Penyedia Dompot Mudah Alih”** bermaksud penyedia Dompot Mudah Alih, termasuk tetapi tidak terhad kepada Apple Pay, Google Pay, Samsung Pay, atau mana-mana penyedia lain seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa;
- 1.48 **“MOTO”** bermaksud Pesanan Mel Pesanan Telefon yang merupakan jenis Transaksi Tanpa Kehadiran Kad di mana Perkhidmatan diselesaikan dan dibayar melalui telefon, mel, faks atau e-mel;
- 1.49 **“Kad Debit-i Pelbagai Mata Wang”** atau **“Kad MCF-i”** atau **“Kad Debit-i Pelbagai Mata Wang Visa Hong Leong”** merujuk kepada Kad Debit-i dengan asas warna hitam yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada pemegang Akaun Pay&Save-i di mana pemegang Akaun Pay&Save-i hanya boleh memautkan Akaun Pembelian Runcit ke Akaun Pay&Save-i sahaja;
- 1.50 **“Ciri Pelbagai Mata Wang”** atau **“MCF”** merujuk kepada dompet mata wang asing dalam Akaun yang dibenarkan oleh pihak Bank untuk MCF yang membolehkan Pemegang Kad, antara lain:
- (a) menyimpan mata wang asing yang dibenarkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa;
 - (b) melakukan Transaksi Luar Negara dalam mata wang asing yang dipilih oleh Pemegang Kad;
 - (c) menukar satu (1) mata wang asing ke mata wang asing yang lain dalam Akaun Diaktifkan MCF Pemegang Kad melalui cawangan Bank atau HLB Connect.
- Bagi mengelakkan keraguan, MCF hanya tersedia untuk Akaun Diaktifkan MCF yang dipegang oleh individu atau pemilik tunggal, dan tidak tersedia untuk akaun bersama. Senarai terkini mata wang asing yang dibenarkan untuk MCF boleh didapati di <https://www.hlbislamic.com.my/ms/personal-i/wealth-creation/savings-account-i/pay-and-save-account-i.html> ;
- 1.51 **“MyKad”** bermaksud kad yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia kepada Pemegang Kad untuk mengenal pasti dan mengesahkan identiti Pemegang Kad;
- 1.52 **“MyDebit”** bermaksud suatu skim pembayaran Kad Debit-i domestik yang membenarkan Pemegang Kad untuk membuat bayaran bagi pembelian barangan dan/atau perkhidmatan di kedai, dalam talian atau mengeluarkan wang tunai di Peniaga Sah yang mengambil bahagian dengan mendebit secara langsung dari Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad;
- 1.53 **“Notifikasi Melalui Aplikasi HLB Connect”** bermaksud ciri notifikasi tolak yang membolehkan Pemegang Kad menerima notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect;
- 1.54 **“Kata Laluan Sekali Sah (OTP)”** bermaksud kod unik 6 digit yang hanya boleh digunakan sekali sahaja yang dihantar melalui khidmat pesanan ringkas (**“SMS”**) atau Kad OTP dalam Aplikasi HLB Connect untuk melakukan transaksi atau tindakan tertentu dalam talian;

- 1.55 “**Had Belian Dalam Talian**” bermaksud had transaksi yang terpakai ke atas Transaksi Kad yang dilakukan dalam talian melalui internet;
- 1.56 “**Pembelian Petrol**” bermaksud semua transaksi yang dibuat dengan Kad Debit-i untuk pembelian petrol dan apa-apa bayaran lain yang dilakukan di kiosk petrol;
- 1.57 “**PIN**” bermaksud kod berangka yang bertindak sebagai kata laluan yang digunakan untuk mengesahkan Pemegang Kad ke akaun mereka;
- 1.58 “**Tarikh Pengeposan**” bermaksud tarikh di mana Transaksi Kad yang dilakukan oleh Pemegang Kad didebitkan dan direkodkan dalam Penyata;
- 1.59 “**Pemegang Kad Perbankan Prioriti**” bermaksud Pemegang Kad dengan status Perbankan Prioriti yang diperakui oleh pihak Bank;
- 1.60 “**Notis Privasi**” bermaksud dasar dan prinsip Bank yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti sedia ada dan prospektif yang berurusan dengan pihak Bank yang mungkin akan dipinda dari semasa ke semasa dan dipaparkan di laman web Bank atau dengan cara yang dianggap wajar oleh pihak Bank;
- 1.61 “**Had Belian Runcit**” bermaksud had transaksi yang terpakai bagi Transaksi Kad termasuk Transaksi Tanpa Sentuhan yang dibuat di kedai runcit, atau mana-mana kedai lain di mana Kad Debit-i boleh diterima untuk pembayaran;
- 1.62 “**Akaun Pembelian Runcit**” bermaksud Akaun yang dipautkan pada Kad Debit-i untuk membuat Transaksi Runcit;
- 1.63 “**Transaksi Runcit**” bermaksud belian barangan atau perkhidmatan yang menggunakan Kad Debit-i di Peniaga Sah di mana Kad Debit-i boleh diterima untuk pembayaran di dalam dan luar negara termasuk Pembelian Dalam Talian, tambah nilai Touch 'n Go secara automatik, Pembelian Petrol dan pengebilan automatik/transaksi berulang dan tidak termasuk pengeluaran wang tunai, pemindahan dana, pembayaran fi tahunan dan perkhidmatan lain/fi pelbagai seperti yang ditakrifkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal terlebih dahulu;
- 1.64 “**Fi Pencarian Draf Jualan**” bermaksud fi yang dikenakan ke atas Pemegang Kad apabila Pemegang Kad memohon dari pihak Bank untuk mendapatkan draf jualan yang dikeluarkan oleh Peniaga Sah. Fi ini juga dikenakan semasa penyiasatan kes pertikaian apabila Pemegang Kad memohon untuk melihat draf jualan yang berkaitan;
- 1.65 “**Kod Keselamatan**” bermaksud kod keselamatan yang diberikan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad untuk mengakses Perkhidmatan berkaitan yang merangkumi PIN (untuk Perkhidmatan ATM), IPIN (untuk HLB Connect), Kod HLB Connect (untuk HLB Connect) dan termasuk lain-lain nama pengguna, kata laluan, nombor pengenalan peribadi, sijil digital atau lain-lain kod keselamatan yang mungkin dikeluarkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa untuk mengakses semua atau mana-mana Perkhidmatan dan rujukan untuk terma “Kod Keselamatan” akan bermaksud kod atau kod keselamatan berkaitan dengan Perkhidmatan tersebut sebagaimana diperlukan;
- 1.66 “**Perkhidmatan**” bermaksud perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank untuk memudahkan Transaksi Kad, Transaksi Tanpa Sentuhan, transaksi Cip dan PIN, Perbankan Telefon, Perkhidmatan Pembayaran Bil, atau mana-mana perkhidmatan elektronik, digital, visual, video atau lain-lain perkhidmatan baharu atau tambahan yang ditawarkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa bagi membolehkan Pemegang Kad melaksanakan transaksi perbankan dan lain-lain transaksi dan Perkhidmatan tersebut boleh ditambah, diubah atau ditarik balik oleh pihak Bank pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari terlebih dahulu;

- 1.67 “**Rangkaian ATM Kongsi (SAN)**” bermaksud bank dan institusi kewangan yang mengambil bahagian di dalam Rangkaian ATM Kongsi yang dikendalikan oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd;
- 1.68 “**Barangan dan Perkhidmatan Patuh Syariah**” bermaksud barangan dan perkhidmatan yang boleh diterima oleh dan mematuhi prinsip Syariah;
- 1.69 “**Penyata**” bermaksud penyata akaun yang memaparkan transaksi yang dilaksanakan dengan Kad Debit-i;
- 1.70 “**Cukai**” bermaksud apa-apa cukai Malaysia atau asing, sama ada semasa atau masa hadapan, secara langsung atau tidak langsung, levi, impos, duti, caj, fi, sebarang bentuk potongan atau pegangan dalam sebarang bentuk, yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Berkenaan, termasuk tanpa had, sebarang cukai penggunaan dan lain-lain cukai dengan apa sahaja nama sekalipun, dan sebarang faedah, denda atau penalti yang berkenaan dengannya;
- 1.71 “**Touch n' Go**” ialah sebuah syarikat teknologi kewangan Malaysia yang memfokuskan pada ekosistem pengangkutan dan infrastruktur pembayaran berasaskan platform di negara ini;
- 1.72 “**Tarikh Transaksi**” bermaksud tarikh Transaksi Runcit berlaku dengan menggunakan Kad Debit-i di Peniaga Sah yang menerima Kad Debit-i untuk pembayaran;
- 1.73 “**Resit Transaksi**” bermaksud slip bayaran yang berkaitan, borang atau kertas yang dibekalkan kepada/oleh pihak Bank, Peniaga Sah atau yang dijana oleh ATM untuk merekod, mengesah dan membuktikan pembelian atau transaksi lain yang dilakukan oleh Pemegang Kad melalui penggunaan Kad Debit-i yang akan dicaj dan didebit dari Akaun atau pengesahan yang diberikan kepada Pemegang Kad untuk transaksi kewangan yang dilakukan melalui HLB Connect;
- 1.74 “**Visa**” bermaksud Visa International Service Association, sebuah syarikat yang dikendalikan di bawah Negeri Delaware dengan ibu pejabatnya di 3125 Clearview Way, San Mateo, CA 94402, Amerika Syarikat di mana pihak Bank adalah ahli institusinya; dan
- 1.75 Perkataan yang bermaksud tunggal juga bermaksud majmuk dan sebaliknya dan perkataan yang menandakan jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan neutral dan sebaliknya.

2.0 Tanggungjawab Pemegang Kad

- 2.1 Dengan menandatangani Kad Debit-i, menggunakan Kad Debit-i dan/atau mengekalkan Akaun, Pemegang Kad bersetuju untuk terikat sepenuhnya dengan T&S ini yang mungkin diubah oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari. Notis mengenai perubahan atau pindaan tersebut akan dimaklumkan kepada Pemegang Kad dalam sebarang bentuk atau kaedah sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak Bank.
- 2.2 Pemegang Kad harus mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk memastikan dan mencegah penggunaan tanpa kebenaran, penipuan dan penggunaan yang menyalahi undang-undang ke atas Perkhidmatan atau sebahagian daripadanya dan Kod Keselamatan Pemegang Kad, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
- (a) Kod Keselamatan mestilah dirahsiakan dan Pemegang Kad hendaklah menukar Kod Keselamatan dengan segera apabila menerimanya. Kod Keselamatan hanya boleh digunakan oleh Pemegang Kad sahaja dan bukan orang lain. Jika Kod Keselamatan tidak dikeluarkan kepada Pemegang Kad, Pemegang Kad dinasihatkan agar mencipta Kod Keselamatan sendiri sebagai syarat untuk mengakses Perkhidmatan.

- (b) Bahawa tiada orang lain selain daripada Pemegang Kad mempunyai akses atau mampu mempunyai akses kepada Kod Keselamatan untuk membolehkan dia melakukan sebarang transaksi melalui mana-mana Perkhidmatan. Kod Keselamatan tidak ditulis dalam apa jua bentuk atau cara termasuk tetapi tidak terhad kepada e-mel yang tidak diminta atau pada mana-mana laman web selain daripada laman web Bank yang boleh ditafsirkan oleh pihak ketiga atau disimpan bersama atau didedahkan kepada mana-mana orang (termasuk pekerja Bank) di bawah apa-apa keadaan atau pada bila-bila masa.
- (c) Pemegang Kad tidak boleh mendedahkan Kod Keselamatan kepada mana-mana individu atas apa jua sebab atau cara sama ada secara sukarela atau sebaliknya dan mesti mengambil mencegah Kod Keselamatan daripada diketahui oleh mana-mana individu lain. Pemegang Kad memahami dan bersetuju bahawa kegagalan untuk mematuhi peraturan ini boleh mendedahkan Pemegang Kad kepada akibat kecurian dan/atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit-i, yang mana pihak Bank tidak akan bertanggungjawab. Pemegang Kad mesti melaporkan sebarang pelanggaran Kod Keselamatan atau kehilangan Kod Keselamatan kepada pihak Bank dengan secepat mungkin apabila Pemegang Kad menyedari tentang pelanggaran atau kehilangan tersebut. Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk membayar balik dan membayar semua tuntutan dan liabiliti yang ditanggung oleh pihak Bank daripada penggunaan tanpa kebenaran itu apabila menerima tuntutan bertulis daripada pihak Bank.
- (d) Bahawa baki Akaun, Penyata Akaun dan Transaksi Kad diperiksa dan dipantau oleh Pemegang Kad secara kerap dan teliti dan setiap kali sebelum memberikan apa-apa arahan kepada pihak Bank. Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank dengan segera tentang transaksi tanpa kebenaran dan menyalahi undang-undang, penipuan, kesilapan atau percanggahan dalam Akaun.
- (e) Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa dana di dalam Akaun adalah mencukupi untuk sebarang Transaksi Kad yang dilaksanakan oleh Pemegang Kad.
- (f) Pemegang Kad akan mencipta PIN sendiri di ATM Bank untuk tujuan melaksanakan transaksi ATM atau transaksi elektronik. Pemegang Kad dikehendaki untuk tidak mendedahkan PIN kepada mana-mana pihak ketiga dan akan bertanggungjawab terhadap pihak Bank untuk sebarang catatan debit di dalam Akaun yang diakibatkan oleh Transaksi Kad tanpa kebenaran.
- (g) Untuk melakukan pembelian dengan menggunakan Kad Debit-i di mana-mana Peniaga Sah, Pemegang Kad boleh mengesahkan Transaksi Kad dengan:
 - i) menandatangani Resit Transaksi yang disediakan oleh Peniaga Sah;
 - ii) memasukkan PIN pada terminal Titik Penjualan ("POS"); atau
 - iii) melaksanakan Transaksi Tanpa Sentuhan.

Resit Transaksi atau dokumen Bank yang ditandatangani oleh Pemegang Kad (jika ada) akan menjadi bukti yang mengikat dan konklusif bahawa Transaksi Kad dan amaun yang direkod padanya telah dilakukan oleh Pemegang Kad selaras dengan T&S ini. Sekiranya pembelian atau penggunaan Kad Debit-i dibuat melalui transaksi dalam talian, atau transaksi tanpa tandatangan termasuk dan tidak terhad kepada pembelian petrol, dan transaksi dalam talian, Pemegang Kad bersetuju bahawa resit pengesahan dan/atau penerimaan yang dikeluarkan oleh mana-mana Peniaga Sah atau sekutunya untuk transaksi tersebut akan dianggap sebagai bukti dokumen yang memuaskan bagi penggunaannya dan Pemegang Kad mesti mematuhi T&S ini.

- (h) Walaupun peruntukan yang dinyatakan di bawah Klausula 2.2.(g) di atas, tandatangan/PIN bukan satu-satunya syarat yang boleh didahulukan kepada

liabiliti Pemegang Kad berkenaan dengan Perkhidmatan yang diberikan dan Pemegang Kad akan bertanggungjawab untuk Transaksi Kad jika pihak Bank berpendapat bahawa, berdasarkan bukti dokumen yang memuaskan, ketidaksempurnaan tandatangan atau ketiadaan tandatangan/kemasukan PIN adalah disebabkan oleh keadaan dan/atau kaedah transaksi yang digunakan atau akibat kesilapan dari pihak Pemegang Kad dan/atau Peniaga Sah dan ahli bank MyDebit/Visa/Mastercard.

- (i) Pemegang Kad harus mematuhi semua keperluan, arahan, panduan dan garis panduan tentang penggunaan Kad Debit-i yang dikeluarkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa berkenaan dengan semua Perkhidmatan kepada Pemegang Kad.
- (j) Pemegang Kad bersetuju untuk menandatangani bahagian belakang Kad Debit-i sebaik sahaja kad tersebut diterima dan sebelum ia digunakan, sebagai langkah mencegah penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit-i tersebut.
- (k) Kad Debit-i adalah sah sehingga Tarikh Baik Sehingga. Surat pembaharuan akan dikirimkan kepada Pemegang Kad **tiga puluh (30)** hari sebelum Tarikh Baik Sehingga. Pihak Bank akan mengirim surat pembaharuan kepada Pemegang Kad untuk memaklumkan Pemegang Kad supaya mengunjungi cawangan yang terdekat atau mana-mana cawangan Bank untuk mengambil Kad Debit-i. Pemegang Kad harus memastikan bahawa sebaik sahaja Kad Debit-i luput, ia dimusnahkan dengan memotong dua secara melintang.
- (l) Kad Debit-i tidak boleh digunakan selepas pembatalan, tamat tempoh, atau apabila Pemegang Kad tidak lagi menjadi Pemegang Kad Bank.
- (m) Pemegang Kad tidak boleh menggunakan Kad Debit-i untuk pengeluaran tunai, pembayaran atau pemindahan dana melainkan terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun. Sebarang pengeluaran tunai, bayaran atau pindahan dana akan ditolak jika tiada dana yang mencukupi di dalam Akaun.
- (n) Sekiranya tiada dana yang mencukupi di dalam Akaun dan Pemegang Kad Debit-FFi tidak mempunyai kemudahan aliran tunai atau mana-mana kemudahan kredit tersedia, semua Transaksi Kad di Peniaga Sah akan ditolak.
- (o) Pemegang Kad bersetuju untuk tidak menggunakan Kad Debit-i untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. Jika pihak Bank mendapati, mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Kad Debit-i telah digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang, pihak Bank boleh mengambil apa-apa tindakan yang dianggap sesuai untuk memenuhi kewajipan yang berkaitan dengan pencegahan aktiviti haram termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan, perubahan wang haram, aktiviti/ pembiayaan pengganas, rasuah, sogokan dan/atau pengelakan cukai.
- (p) Sekiranya Pemegang Kad menjadikan Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i (" **CASA-i** ") sebagai Akaun Pembelian Runcit, Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa Kad Debit-i tidak boleh digunakan untuk sebarang aktiviti atau tujuan tidak patuh Syariah seperti yang dinyatakan dalam Klausula 14.0 di bawah dan yang boleh menyebabkan transaksi tersebut ditolak.
- (q) Pemegang Kad dengan ini memberi representasi dan jaminan bahawa Pemegang Kad telah mendapat persetujuan semua orang yang dinamakan dalam permohonan untuk Akaun Pemegang Kad atau apa-apa dokumen lain yang dihantar kepada pihak Bank bagi menyokong permohonan tersebut dan/atau wakil yang diberi kuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilik tunggal, penandatangan yang diberi kuasa Pemegang Kad atau mana-mana orang lain yang ditetapkan oleh pihak Bank ("**Subjek Data Relevan**"), untuk pengumpulan, pegangan dan penggunaan maklumat peribadi Subjek Data Relevan oleh pihak Bank mengikut Notis Privasi Bank sebagaimana yang boleh dipinda dari semasa

ke semasa.

- (r) Sekiranya Pemegang Kad menggantikan Kad Debit-i dengan Kad Debit-i baharu kerana hilang/dicuri/diperbaharui atau apa-apa sebab lain, Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memaklumkan/mengemas kini nombor Kad Debit-i baharu kepada semua Peniaga Sah yang beliau telah langgani untuk auto debit/transaksi debit langsung bagi mengelakkan transaksi daripada ditolak.
- (s) Pemegang Kad dengan ini bersetuju dan memberi persetujuan dengan pegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank atau yang diperolehi oleh pihak Bank dari domain awam, serta data peribadi yang timbul akibat daripada penyediaan Perkhidmatan kepada Pemegang Kad berkaitan dengan Akaun mengikut Notis Privasi Bank yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.
- (t) Pemegang Kad yang ingin dikecualikan daripada perkongsian data peribadi mereka dengan pihak Bank dan/atau Hong Leong Financial Group Berhad 1968000439 (8024-W) bagi tujuan pemasaran dan promosi, perlu mengunjungi mana-mana cawangan Bank atau menghubungi Pusat Panggilan Hong Leong di **03-7626 8899** untuk permintaan bagi pengecualian tersebut.
- (u) Pemegang Kad hendaklah segera memberitahu pihak Bank jika terdapat perubahan dalam butiran perhubungan dan/atau peribadi Pemegang Kad sama ada secara bertulis, mengunjungi cawangan Bank atau menghubungi Pusat Panggilan Hong Leong di **03-7626 8899**.
- (v) Pihak Bank tidak memberi representasi atau menjamin bahawa penggunaan Kad Debit-i akan berjalan tanpa gangguan atau kesilapan. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian, kerosakan, kesulitan, keaiban, kos atau perbelanjaan dalam apa jua bentuk yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad atau mana-mana orang lain berkenaan atau berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan disebabkan oleh sebarang kejadian di luar kawalan munasabah pihak Bank. Pemegang Kad tidak mempunyai tuntutan terhadap pihak Bank jika Transaksi Kad dan/atau Transaksi Tanpa Sentuhan tidak diterima atau diperakui oleh mana-mana Peniaga Sah atau atas sebarang sebab sekalipun.
- (w) Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa penggunaan Kad Debit-i atau prestasi Transaksi Kad dan/atau Transaksi Tanpa Sentuhan adalah atas risiko mutlak Pemegang Kad. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan dan/atau kerugian yang ditanggung berhubung dengan penggunaan Kad Debit-i atau prestasi Transaksi Kad dan/atau Transaksi Tanpa Sentuhan bagi barangan atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh mana-mana Peniaga Sah atau kualiti atau prestasi apa-apa barangan atau perkhidmatan selaras atau berhubung dengan transaksi yang dibuat menggunakan Kad Debit-i. Pemegang Kad akan menyelesaikan sebarang aduan yang timbul daripada Transaksi Kad dan/atau Transaksi Tanpa Sentuhan secara langsung dengan Peniaga Sah.
- (x) Jika Pemegang Kad mempunyai lebih daripada **satu (1)** kad atau instrumen pembayaran dengan teknologi tanpa sentuhan, iaitu instrumen pembayaran dengan keupayaan untuk melaksanakan Transaksi Tanpa Sentuhan, Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa kad tersebut disimpan secara berasingan daripada Kad Debit-i untuk mengelakkan pelanggaran transaksi yang akan menyebabkan kedua-dua kad didebit untuk jumlah transaksi tersebut.
- (y) Sekiranya terjadi situasi debit atau kedudukan terlebih pengeluaran yang tidak diatur dalam Akaun Semasa-i atas apa jua sebab, Pelanggan hendaklah bertanggungjawab dan akan membayar amaun terlebih keluar.

- (z) Pemegang Kad harus memastikan semua Transaksi Kad (termasuk Transaksi Luar Negara seperti yang dinyatakan di bawah Klausa 21.1) mematuhi Notis Dasar Pertukaran Asing (“**Notis FEP**”) Bank Negara Malaysia (“**BNM**”). Pemegang Kad disarankan untuk membaca dan memahami Notis FEP di laman web BNM di www.bnm.gov.my – tab ‘Dasar Pertukaran Asing’ untuk memastikan semua aktiviti yang dilakukan menggunakan Kad Debit-i mematuhi Notis FEP setiap masa.

3.0 Transaksi Tanpa Sentuhan

3.1 Terdapat **tiga (3)** jenis Transaksi Tanpa Sentuhan iaitu:

- (a) MCCS Tanpa Sentuhan - kaedah pembayaran Tanpa Sentuhan melalui rangkaian MyDebit yang boleh dilakukan di mana-mana terminal POS yang memaparkan logo MCCS Tanpa Sentuhan;
- (b) Visa Tanpa Sentuhan – kaedah pembayaran Tanpa Sentuhan melalui rangkaian Visa yang boleh dilakukan di mana-mana terminal POS yang memaparkan logo Visa Tanpa Sentuhan; dan
- (c) Mastercard Contactless – kaedah pembayaran Tanpa Sentuhan melalui rangkaian Mastercard yang boleh dilakukan di mana-mana terminal POS yang memaparkan logo Mastercard Tanpa Sentuhan.

3.2 Transaksi Tanpa Sentuhan tanpa pengesahan PIN dihadkan kepada Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh (RM250) setiap transaksi (“**Had Transaksi Tanpa Sentuhan**”). Sebarang Transaksi Tanpa Sentuhan yang melebihi Had Transaksi Tanpa Sentuhan mesti disahkan oleh Pemegang Kad menggunakan kaedah berikut:

- Transaksi Tanpa Sentuhan (Pembayaran Kad Tanpa Sentuhan dan Dompot Mudah Alih selain Apple/Google Pay): Pengesahan PIN.
- Transaksi Tanpa Sentuhan (Menggunakan Apple Pay/Google Pay): Mekanisme pengesahan Peranti Layak yang didayakan oleh Penyedia Dompot Mudah Alih, tertakluk pada terma dan syarat Dompot Mudah Alih yang berkenaan.

3.3 Transaksi Tanpa Sentuhan tanpa pengesahan PIN boleh dilakukan secara berasingan tetapi transaksi kumulatif dalam satu (1) hari dihadkan kepada Ringgit Malaysia Lapan Ratus (RM800) atau had lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Pemegang Kad mengikut Klausa 3.4 di bawah (“**Had Kumulatif Harian Tanpa Sentuhan**”). Bagi mengelakkan keraguan, transaksi Apple Pay dan Google Pay tidak akan ditambah kepada Had Kumulatif Harian Tanpa Sentuhan. Sebarang Transaksi Tanpa Sentuhan tanpa pengesahan PIN yang melebihi Had Kumulatif Harian Tanpa Sentuhan akan dibatalkan. Sebarang Transaksi Tanpa Sentuhan yang melebihi Had Kumulatif Harian Tanpa Sentuhan mesti disahkan oleh Pemegang Kad menggunakan kaedah berikut:

- Transaksi Tanpa Sentuhan (Pembayaran Kad Tanpa Sentuhan dan Dompot Mudah Alih selain Apple/Google Pay): Pengesahan PIN.
- Transaksi Tanpa Sentuhan (Menggunakan Apple Pay dan Google Pay): Mekanisme pengesahan Peranti layak, tertakluk pada terma dan syarat Dompot Mudah Alih yang berkenaan.

Had Kumulatif Harian Tanpa Sentuhan akan ditetapkan semula setiap hari atau apabila Pemegang Kad melakukan transaksi dengan pengesahan PIN di terminal POS.

3.4 Had Kumulatif Harian Tanpa Sentuhan ditetapkan pada Ringgit Malaysia Lapan Ratus (RM800). Pemegang Kad boleh menukarkan Had Kumulatif Harian Tanpa Sentuhan mereka dari RM0 hingga RM800 pada bila-bila masa melalui HLB Connect atau di mana-mana cawangan Bank di seluruh negara. Jika Pemegang Kad tidak ingin menggunakan fungsi Transaksi Tanpa Sentuhan tanpa pengesahan PIN, Had Kumulatif Harian Tanpa Sentuhan harus ditetapkan kepada **sifar (RM0)**.

3.5 Had Kumulatif Harian Tanpa Sentuhan adalah subset Had Belian Runcit Pemegang Kad. Oleh sebab itu, Had Kumulatif Harian Tanpa Sentuhan tidak akan melebihi Had Belian

Runcit yang ditetapkan oleh Pemegang Kad. Had Kumulatif Harian Tanpa Sentuhan akan ditetapkan secara automatik sama seperti Had Belian Runcit sekiranya Had Belian Runcit kurang daripada Had Kumulatif Harian Tanpa Sentuhan. Contohnya, jika Pemegang Kad menetapkan Had Belian Runcit kepada Ringgit Malaysia Seratus (RM100), Had Kumulatif Harian Tanpa Sentuhan akan menjadi Ringgit Malaysia Seratus (RM100).

4.0 Transaksi Belian Dalam Talian

- 4.1 Apabila Pemegang Kad membuat pembelian dalam talian dengan Kad Debit-i, Pemegang Kad akan menerima 6-digit OTP dalam salah satu daripada dua cara berikut:
- Melalui OTP Kad Debit-i dalam Aplikasi HLB Connect (jika Pemegang Kad berdaftar); atau
 - Melalui SMS (jika Pemegang Kad tidak berdaftar dengan Aplikasi HLB Connect).
- 4.2 Bagi melengkapkan pembelian dalam talian, Pemegang Kad dikehendaki:
- Menyemak OTP anda melalui Aplikasi HLB Connect atau menyemak SMS anda untuk OTP; dan
 - Memasukkan OTP 6-digit di halaman pembayaran Peniaga.

Penting: Pemegang Kad tidak boleh mendedahkan kod OTP kepada sesiapa pun dan kod OTP tersebut adalah untuk kegunaan Pemegang Kad sahaja.

5.0 Transaksi Berkaitan Tol

- 5.1 Kad Debit-i diaktifkan secara automatik untuk membayar transaksi berkaitan tol dengan menyentuhkannya pada terminal pembayaran.
- 5.2 Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad mempunyai baki yang mencukupi sebelum membuat sebarang transaksi berkaitan tol.
- 5.3 Pemegang Kad mengakui dan bersetuju sepenuhnya bahawa pembayaran tol akan dimulakan oleh Touch n' Go dengan pengesahan pembayaran tertunda yang mungkin mengakibatkan perbezaan antara tarikh dan masa caj tol dengan tarikh dan masa transaksi sebenar.
- 5.4 Jika Pemegang Kad menggunakan Kad Debit-i dan melalui tol dengan berjaya, tetapi seterusnya Akaun Pembelian Runcit tidak mempunyai cukup dana, pihak Bank berhak untuk menuntut daripada Pemegang Kad jumlah yang ditanggung untuk pembayaran tol dengan mendebit Akaun Pemegang Kad yang dihubungkan dengan Kad Debit-i.

6.0 Penyata Pemegang Kad

- 6.1 Penyata akan dirangkumkan dalam buku akaun/penyata CASA-i yang ditetapkan oleh Pemegang Kad dan Pemegang Kad boleh menyemak Penyata Akaun secara percuma melalui HLB Connect yang meliputi, antara lain, maklumat Transaksi Kad dan Tarikh Pengeposan Transaksi Kad yang dilakukan oleh Pemegang Kad untuk tempoh yang dinyatakan.
- 6.2 Atas permintaan Pemegang Kad, Penyata bulanan bercetak akan dihantar ke alamat surat-menyurat Pemegang Kad yang terakhir yang terdapat di dalam rekod Bank. Caj perkhidmatan akan dikenakan dan didebitkan ke dalam Akaun. Penyata bulanan bercetak akan menunjukkan semua Transaksi Kad, Tarikh Pengeposan dan Tarikh Transaksi untuk bulan yang berkenaan. Pemegang Kad boleh meminta Penyata bercetak pada bila-bila masa dan pihak Bank akan mengenakan fi perkhidmatan untuk setiap permintaan sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) dan Ringgit Malaysia Dua (RM2) bagi setiap halaman untuk tempoh Penyata sehingga **satu (1)** tahun yang lalu atau Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) dan Ringgit Malaysia Lima (RM5) bagi setiap halaman untuk tempoh Penyata lebih daripada **satu (1)** tahun yang lalu.

- 6.3 Rekod dan catatan dalam Akaun yang terdapat pada Penyata bulanan akan dianggap sebagai tepat dan mengikat ke atas Pemegang Kad kecuali notis bertulis bertentangan dengannya diberi oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank dalam tempoh **empat belas (14)** hari selepas menerima Penyata.
- 6.4 Jika atas sebarang sebab Pemegang Kad tidak memaklumkan kepada pihak Bank secara bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari tentang sebarang kesilapan di dalam Penyata dan sekiranya tiada sebarang kesilapan yang jelas dalam Penyata atau penipuan oleh pihak Bank, maka Pemegang Kad akan dianggap telah menerima rekod dan catatan di dalam Penyata sebagai betul, muktamad dan konklusif. Penyata tersebut akan dianggap sebagai konklusif dan mengikat Pemegang Kad, wakil sah dan pengganti Pemegang Kad.
- 6.5 Apabila pihak Bank menerima notis bertulis yang diberi oleh Pemegang Kad dalam tempoh yang dinyatakan, pihak Bank akan menyiasat Akaun untuk membuat pelarasan dan pembedaan yang sewajarnya, jika ada. Sebarang wang yang perlu dibayar kepada atau dibayar oleh Pemegang Kad akan dikredit atau didebit ke dalam Akaun berkaitan.
- 6.6 Hanya Transaksi Kad yang telah disahkan dengan sewajarnya oleh pihak Bank akan terkandung di dalam Penyata Akaun Pemegang Kad.
- 6.7 Pemegang Kad juga boleh mendapatkan rekod bagi **sepuluh (10)** transaksi terakhir CASA-i melalui ATM. Di dalam rekod transaksi ATM yang dikeluarkan oleh ATM, semua Transaksi Runcit diwakili oleh perkataan **tiga (3)** huruf "POS".

7.0 Pemegang Akaun Bersama

- 7.1. Untuk Pemegang Akaun Bersama, salah seorang pemegang akaun boleh memberi arahan dan membenarkan pihak Bank untuk melaksanakan sebarang Transaksi Kad ke atas akaun bersama. Semua Transaksi Kad yang berlaku daripada arahan tersebut akan mengikat semua pemegang kad, yang bertanggungjawab secara bersama dan bersendirinya. Mandat pemegang akaun bersama tidak akan ditarik balik kecuali dan sehingga pemegang akaun bersama yang mana mandatnya akan ditarik balik menyerahkan Kad Debit-i kepada pihak Bank.

8.0 Akaun Pegangan

- 8.1 Pihak Bank mungkin akan mendebit atau mengenakan pegangan ke atas Akaun Pembelian Runcit ("**Akaun Pegangan**") untuk amaun Transaksi Kad sama ada pada hari ianya diserahkan kepada pihak Bank untuk bayaran atau pada hari pihak Bank menerima notis mengenai Transaksi Kad, yang mana lebih awal.
- 8.2 Akaun Pegangan terpakai untuk transaksi runcit yang dilakukan dengan Peniaga Sah yang memerlukan pegangan tersebut. Jika Peniaga Sah meminta kebenaran untuk sebarang Transaksi Kad, pihak Bank mungkin akan mengenakan Akaun Pegangan untuk amaun Transaksi Kad tersebut seperti yang ditentukan oleh Peniaga Sah dan dipersetujui oleh Pemegang Kad. Baki tersedia untuk digunakan oleh Pemegang Kad di dalam Akaun Pembelian Runcit akan berkurangan sejajar dengan amaun yang dipegang.
- 8.3 Tertakluk pada Had Belian Harian dan Baki Semasa di dalam Akaun Pembelian Runcit dan T&S di sini, pihak Bank akan mengenakan Akaun Pegangan untuk pembelian petrol oleh Pemegang Kad di pam minyak automatik di stesen minyak di mana sistem akan secara automatik memperuntukkan Ringgit Malaysia Dua Seratus (RM200). Amaun pra-kebenaran tersebut akan dikeluarkan secara automatik sebaik sahaja bank pemeroleh menuntut nilai pembelian sebenar kepada pihak Bank dalam tempoh **tiga (3)** Hari Perniagaan atau tempoh lain yang mungkin dimaklumkan oleh pihak Bank.
- 8.4 Dalam mana-mana Transaksi Runcit selain daripada yang dinyatakan di bawah Klausula 8.3 di atas, pihak Bank mempunyai budi bicara untuk mengenakan pegangan ke atas jumlah tersebut sehingga **dua puluh satu (21)** hari atau untuk tempoh yang dianggap

sesuai. Pihak Bank akan mendebitkan amaun yang dipegang ke Akaun Pembelian Runcit apabila Transaksi Kad yang sepadan dikemukakan kepada pihak Bank untuk pembayaran. Pihak Bank hendaklah mengeluarkan jumlah yang dipegang jika Transaksi Kad yang sepadan tidak dikemukakan kepada pihak Bank untuk pembayaran dalam tempoh yang dianggap sesuai oleh pihak Bank. Pemegang Kad selanjutnya dengan nyata bersetuju bahawa pihak Bank berhak untuk mengenakan pegangan semula ke atas Akaun Pembelian Runcit dan mendebit Akaun Pembelian Runcit jika Transaksi Kad berkemungkinan akan atau dikemukakan untuk pembayaran kemudiannya oleh Peniaga Sah apabila tamat tempoh **dua puluh satu (21)** hari tersebut. Pemegang Kad bersetuju bahawa semua resit yang dikemukakan oleh Peniaga Sah untuk Transaksi Kad melalui Resit Transaksi termasuk resit pengesahan dan pengakuan hendaklah dianggap sebagai bukti penggunaan muktamad dan konklusif oleh Pemegang Kad.

- 8.5 Apabila pihak Bank menerima bukti amaun transaksi sebenar daripada Peniaga Sah, pihak Bank akan melepaskan Amaun Pra-Kebenaran dan Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad akan didebitkan dengan amaun sebenar transaksi tersebut.
- 8.6 Pemegang Kad tidak boleh memberhentikan pembayaran ke atas Transaksi Kad. Untuk mengelakkan keraguan, dengan ini dinyatakan bahawa pihak Bank berhak untuk mendebit Akaun Pembelian Runcit untuk sebarang Transaksi Kad tidak terhad kepada amaun pegangan untuk Transaksi Kad tersebut dan pihak Bank berhak untuk mendebit Akaun Pembelian Runcit untuk amaun sebenar Transaksi Kad tersebut. Pihak Bank juga berhak untuk menaikkan amaun yang perlu dipegang untuk sebarang Transaksi Kad yang berdenominasi dalam mata wang lain selain daripada Ringgit Malaysia jika pihak Bank berpendapat bahawa amaun asal yang dipegang tidak mencukupi untuk membayar Transaksi Kad sepenuhnya apabila ditukar kepada mata wang asing.
- 8.7 Pemegang Kad tidak boleh menggunakan mana-mana amaun yang dipegang tanpa mengambil kira mana-mana terma dan syarat lain yang mentadbir Akaun Pembelian Runcit.
- 8.8 Pihak Bank hanya akan mengkreditkan Akaun Pembelian Runcit dengan bayaran balik yang dibuat oleh Peniaga Sah atau penentuan yang berkaitan dengan mana-mana transaksi runcit/ transaksi dalam talian selepas pihak Bank menerima baucer kredit yang dikeluarkan dengan betul. Bayaran balik tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada Pemegang Kad memulangkan semula barangan kepada peruncit selepas pembelian.

9.0 Pemilikan dan Kehilangan atau Kecurian Kad Debit-i

- 9.1. Pemegang Kad memahami sepenuhnya bahawa kegagalan untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah dalam penyimpanan Kad Debit-i boleh mendedahkan Pemegang Kad kepada akibat daripada kecurian, kehilangan dan/atau penipuan penggunaan Kad Debit-i. Pemegang Kad hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk mencegah atau mengawal kejadian sedemikian. Jika peristiwa sedemikian berlaku, Pemegang Kad hendaklah:
 - i) Jika kejadian tersebut berlaku di Malaysia – Apabila peristiwa tersebut disedari, segera maklumkan kepada pihak Bank melalui Pusat Hubungan HLB di 03-7626 8899 atau Pusat Respon Penipuan Kebangsaan (NSRC) di 997.
 - ii) Jika kejadian tersebut berlaku di luar negara - Maklumkan kepada Visa Travel Service Centre atau mana-mana ahli Mastercard atau ahli gabungannya yang terdekat.
- 9.2. Pihak Bank berhak bertindak atas arahan telefon yang diterima oleh pihak Bank daripada Pemegang Kad dan/atau wakilnya yang diberi kuasa oleh Pemegang Kad (jika berkenaan dan mengikut mana-mana yang berkenaan) ("**Orang yang Diberi Kuasa**") dengan niat yang baik dan mengikut operasi yang biasa. Sehubungan dengan itu, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab untuk tindakan yang diambil atas arahan telefon yang diberikan oleh Orang yang Diberi Kuasa tersebut tanpa mengira keadaan yang wujud pada masa arahan

tersebut.

- 9.3. Jika berlaku kecurian/kehilangan Kad Debit-i dan Kad Debit-i tersebut digunakan oleh orang yang tidak dibenarkan untuk mana-mana Transaksi Kad, Pemegang Kad bersetuju bahawa Pemegang Kad akan bertanggungjawab kepada pihak Bank ke atas semua caj tanpa kebenaran yang dikenakan termasuk caj kewangan untuk sebarang barangan atau perkhidmatan yang diberikan oleh Peniaga Sah, akibat penggunaan Kad Debit-i oleh pihak yang tidak dibenarkan tersebut sehingga tarikh dan masa penerimaan makluman dari Pemegang Kad oleh pihak Bank seperti yang dinyatakan di dalam Klausula 9.1 di atas dan tertakluk pada terma Klausula 9.6 di dalam ini.
- 9.4. Pemegang Kad bersetuju untuk memberi kuasa kepada pihak Bank supaya tidak memperakui transaksi Kad Debit-i yang dinyatakan di atas sekiranya Kad Debit-i tersebut diserahkan kepada pihak Bank untuk pembayaran selepas menerima makluman dari Pemegang Kad seperti yang dinyatakan di Klausula 9.1 di atas oleh pihak Bank.
- 9.5. Selepas menggantikan Kad Debit-i asal atas permintaan Pemegang Kad, Pemegang Kad hendaklah menanggung rugi pihak Bank untuk sebarang kerugian, kerosakan, kos, caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh pihak Bank. Jika Kad Debit-i asal digunakan dalam apa jua cara (termasuk akibat pihak Bank mengeluarkan Kad Debit-i gantian), pihak Bank boleh menolak atau mendebit Akaun Pemegang Kad untuk jumlah tersebut.
- 9.6. Pemegang Kad tidak akan bertanggungjawab untuk transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan PIN atau pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuhan, dengan syarat Pemegang Kad tidak:
- i. Bertindak secara penipuan;
 - ii. Lewat dalam memberitahu pihak Bank secepat yang mungkin selepas mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit-i;
 - iii. Mendedahkan PIN dan bukti kelayakan perbankan seperti identiti akses (ID) dan kod laluan kepada pihak ketiga secara sukarela;
 - iv. Meredkodkan PIN pada Kad Debit-i, atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad Debit-i;
 - v. Meninggalkan Kad Debit-i atau item yang mengandungi Kad Debit-i tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan boleh diakses oleh orang lain; atau
 - vi. Membenarkan individu lain menggunakan Kad Debit-i secara sukarela dan Pemegang Kad mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan peranti keselamatan Pemegang Kad selamat pada setiap masa serta bekerjasama dengan pihak Bank dalam penyiasatan.

Pemegang Kad akan tetap bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran jika terbukti bertindak dalam apa jua cara seperti yang disenaraikan (i) hingga (vi) di atas. Ini termasuk sebelum atau selepas pihak Bank menerima pengesahan bertulis daripada Pemegang Kad. Keputusan pihak Bank bagaimanapun, akan dianggap muktamad, konklusif dan mengikat mengenai perkara ini ke atas Pemegang Kad.

Untuk mengelakkan keraguan, transaksi tanpa kebenaran yang dinyatakan di atas bermaksud transaksi pembelian runcit dan bukan transaksi ATM. Transaksi ATM akan merangkumi kedua-dua pengeluaran dan transaksi wang antara bank yang dilakukan dengan Kad Debit-i. Adalah dipersetujui dengan nyata bahawa pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan Baki Semasa yang ditetapkan oleh pihak Bank tidak melebihi had.

- 9.7 Pihak Bank boleh, atas permintaan Pemegang Kad, tetapi tanpa diwajibkan di sisi undang-undang, mengganti Kad Debit-i yang hilang, dicuri atau rosak dengan mengenakan bayaran fi. Penggantian Kad Debit-i adalah tertakluk pada T&S ini sebagaimana Kad Debit-i asal.
- 9.8 Selepas tamat tempoh Kad Debit-i atau apabila diminta oleh pihak Bank selepas pembatalan,

pemansuhan atau penggantungan Debit Kad-i oleh pihak Bank atau apabila menjumpai Kad Debit-i selepas pemberitahuan kehilangan atau kecuriannya, Pemegang Kad tidak berhak lagi untuk menggunakan Kad Debit-i tersebut dan ia hendaklah dipotong dua dengan segera.

10.0 Penamatan oleh Pemegang Kad

- 10.1 Pemegang Kad boleh pada bila-bila masa, menamatkan penggunaan Kad Debit-i. Tiada bayaran balik Fi atau sebahagiannya akan dibuat kepada Pemegang Kad dan Pemegang Kad akan dan kekal bertanggungjawab ke atas sebarang transaksi yang menggunakan Kad Debit-i sebelum penamatan Kad Debit-i Pemegang Kad.

11.0 Fi, Komisen dan Caj

- 11.1. Pihak Bank berhak untuk mengenakan Fi untuk Perkhidmatan termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran Kad Debit-i, Penyata bulanan bercetak, Fi Penggantian Kad, Fi Pengeluaran Tunai melalui rangkaian MEPS, terminal Visa PLUS/Mastercard Cirrus dan Bank Antarabangsa, Fi Pencarian Draf Jualan dan Fi Tahunan. Selain daripada Fi tersebut, transaksi yang dijalankan melalui Perkhidmatan akan dikenakan caj dan komisen biasa. Bagi tujuan pengutipan Fi, komisen dan/atau caj, Pemegang Kad bersetuju untuk membenarkan pihak Bank untuk mendebitkan Akaun bagi Fi, komisen dan/atau caj yang berkenaan. Sekiranya Pemegang Kad tidak memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendebitkan Akaun bagi Fi, komisen dan/atau caj, Pemegang Kad bersetuju bahawa kegagalan pembayaran Fi, komisen dan/atau caj bagi Perkhidmatan boleh menjejaskan Perkhidmatan yang disediakan sehingga semua Fi, komisen dan/atau caj telah dibayar dengan sewajarnya oleh Pemegang Kad.
- 11.2. Pemegang Kad bersetuju untuk membayar semua Fi, komisen dan/atau caj yang dikenakan dalam klausa ini dan membenarkan pihak Bank untuk mendebit Akaun tanpa mengambil kira pendebitan tersebut mungkin menyebabkan Akaun terlebih guna. Fi, komisen dan/atau caj berikut dikenakan pada kadar yang dinyatakan atau pada kadar lain mengikut budi bicara pihak Bank, tertakluk pada prinsip Syariah dan garis panduan yang berkaitan yang ditetapkan, yang boleh dipinda oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan memberi dua puluh satu (21) hari notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad untuk transaksi yang dilaksanakan melalui penggunaan Kad Debit-i. Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari laman web kami di <http://www.hlb.com.my/dc2> atau imbas kod dibawah.



- 11.3. Fi Tahunan tidak akan dikenakan semasa pengeluaran Kad Debit-i dan hanya akan dikenakan pada tarikh ulang tahun. Fi Tahunan boleh diubah oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari melalui laman web Bank atau dengan cara lain yang pihak Bank anggap sesuai, tertakluk kepada prinsip Syariah dan garis panduan yang berkaitan, dari semasa ke semasa.

12.0 Cukai Kerajaan, Fi dan Caj Berkanun dan/atau Kawal Selia

- 12.1. Sebarang Fi dan amaun yang perlu dibayar oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank di bawah T&S ini, termasuk sebarang bayaran balik oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank, adalah tidak termasuk Cukai dan perlu dijelaskan tanpa sebarang tolak selesai, sekatan, atau

syarat dan tanpa sebarang potongan bagi sebarang jumlah tuntutan balas atau potongan atau pegangan.

- 12.2. Sekiranya Pemegang Kad dituntut oleh undang-undang untuk membuat sebarang potongan atau pegangan daripada Fi dan/atau semua wang yang kena dibayar kepada pihak Bank di bawah T&S ini berkaitan dengan Cukai atau sebaliknya, jumlah yang kena dibayar oleh Pemegang Kad berkaitan dengan potongan atau pegangan tersebut akan ditambah supaya jumlah bersih Fi dan/atau jumlah bersih yang diterima oleh pihak Bank kekal seperti apa yang pihak Bank sepatutnya terima jika potongan atau pegangan tersebut tidak dikenakan.
- 12.3. Sebagai penambahan atas Fi dan sebarang bayaran yang perlu dibayar, Pemegang Kad hendaklah membuat bayaran kepada pihak Bank semua Cukai yang berkenaan pada kadar terkini dan/atau amaun yang ditentukan oleh pihak Bank untuk menampung sebarang bayaran/liabiliti/kewajipan Cukai yang berkaitan dengannya, tanpa sebarang penolakan, sekatan atau syarat dan tanpa apa-apa potongan atau sebarang jumlah tuntutan balas atau apa-apa potongan atau pegangan, selain daripada Cukai yang mungkin diperlukan di bawah sebarang undang-undang yang memerlukan Pemegang Kad membayar terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan, di mana Pemegang Kad akan membayar secara terus kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan.
- 12.4. Jika pada bila-bila masa satu pelarasan dibuat atau dikehendaki untuk dibuat antara pihak Bank dan pihak berkuasa percukaian yang berkenaan berhubung dengan sebarang amaun yang dibayar sebagai Cukai akibat daripada sebarang bekalan yang dilakukan atau dianggap telah berlaku atau perkara yang berkaitan dengan T&S ini oleh pihak Bank, satu pelarasan yang sepadan, mengikut budi bicara Bank, boleh dibuat di antara pihak Bank dan Pemegang Kad dan dalam keadaan sedemikian, sebarang pembayaran berkaitan pelarasan tersebut hendaklah dibuat.
- 12.5. Semua Cukai yang mesti dibayar oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank seperti yang diperuntukkan di sini adalah perlu dibayar di masa tertentu dan dengan cara tertentu seperti yang akan diminta oleh pihak Bank.
- 12.6. Pemegang Kad dengan ini bersetuju untuk memenuhi segala permintaan pihak Bank bagi membantu pihak Bank dalam mematuhi kewajipannya terhadap undang-undang yang berkaitan di mana Cukai dikenakan. Jika terdapat Cukai baharu yang diperkenalkan dan Cukai tersebut adalah diwajibkan untuk dikenakan terhadap sebarang transaksi yang termaktub di dalam T&S ini, Pemegang Kad bersetuju untuk memberi kerjasama dengan sepenuhnya kepada pihak Bank untuk memudahkan pihak Bank mematuhi tanggungjawabnya di bawah undang-undang tersebut.
- 12.7. Bagi mengelakkan keraguan, semua pihak bersetuju bahawa mana-mana jumlah yang perlu dibayar atau jumlah yang digunakan dalam pengiraan jumlah yang perlu dibayar yang dinyatakan di tempat lain dalam T&S ini telah ditentukan tanpa mengambil kira dan tidak termasuk jumlah yang perlu ditambah di bawah Klausula ini berkenaan dengan Cukai.

13.0 Had Transaksi Kad

- 13.1. Kecuali diarahkan sebaliknya oleh Pemegang Kad atau Pemegang Kad tidak memilih suatu had untuk pelaksanaan transaksi melalui Perkhidmatan, pihak Bank berhak untuk menentukan dan menetapkan sebarang had sama ada dari segi amaun, kekerapan atau kegunaan mana-mana Perkhidmatan dan/atau Kod Keselamatan. Pemegang Kad boleh mengubah had ke atas Transaksi Kad yang dilakukan dengan memberikan maklumat awal secara bertulis kepada pihak Bank. Pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan Pemegang Kad tidak melebihi had yang ditetapkan mahupun mematuhi permintaan Pemegang Kad supaya pihak Bank mengubah had tersebut.
- 13.2. Had Pengeluaran Tunai Harian untuk Pemegang Kad Biasa dan Perbankan Prioriti ditetapkan pada Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000), dengan had maksimum dibenarkan sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) berdasarkan Tempoh Pegangan Pemegang Kad, atau satu amaun lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari masa

ke semasa dengan memberi **dua puluh satu (21)** hari notis awal terlebih dahulu kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad boleh melakukan penetapan Had Pengeluaran Tunai Harian di mana-mana cawangan atau ATM Bank atau melalui HLB Connect.

- 13.3. Had Belian Runcit Harian untuk Pemegang Kad Biasa dan Perbankan Prioriti ditetapkan pada Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) dengan had maksimum dibenarkan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) atau satu amaun lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari masa ke semasa dengan memberikan notis awal **dua puluh satu (21)** hari kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad boleh melakukan penetapan Had Belian Runcit Harian di mana-mana cawangan Bank atau melalui HLB Connect. Selain daripada itu, Pemegang Kad boleh memohon Had Belian Runcit Harian yang lebih tinggi ("**Had Belian Runcit Harian Sementara**") melalui HLB Connect dan Had Belian Runcit Harian Sementara tersebut akan berkuat kuasa sepanjang tempoh masa yang ditetapkan oleh Pemegang Kad ("**Julat Tarikh**"). Had Belian Runcit Harian Sementara memberikan Pemegang Kad had maksimum yang dibenarkan iaitu Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Sembilan Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Sembilan (RM99,999) sepanjang Julat Tarikh. Had Belian Runcit Harian Sementara akan ditamatkan apabila Julat Tarikh berakhir dan selepas itu, Had Belian Runcit akan kembali kepada Had Belian Runcit Harian.
- 13.4. Had Belian Dalam Talian Harian untuk Pemegang Kad Biasa dan Perbankan Prioriti ditetapkan pada Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000), dengan had maksimum dibenarkan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) atau satu amaun lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari masa ke semasa dengan memberikan notis awal **dua puluh satu (21)** hari kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad boleh melakukan penetapan Had Belian Dalam Talian Harian di mana-mana cawangan Bank atau melalui HLB Connect. Selain daripada itu, Pemegang Kad boleh memohon Had Belian Dalam Talian Harian yang lebih tinggi ("**Had Belian Dalam Talian Harian Sementara**") melalui HLB Connect dan Had Belian Dalam Talian Harian Sementara tersebut akan berkuat kuasa sepanjang tempoh masa tertentu yang dipilih oleh Pemegang Kad ("**Julat Tarikh**"). Had Belian Dalam Talian Harian Sementara memberikan Pemegang Kad had maksimum yang dibenarkan iaitu Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) semasa Julat Tarikh. Had Belian Dalam Talian Harian Sementara akan ditamatkan apabila Julat Tarikh berakhir dan selepas itu, Had Belian Dalam Talian akan kembali kepada Had Belian Dalam Talian Harian.
- 13.5. Had Pemindahan Harian melalui ATM untuk Pemegang Kad Biasa dan Perbankan Prioriti ditetapkan pada Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000), dengan had maksimum dibenarkan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) atau satu amaun lain yang ditentukan oleh pihak Bank dari masa ke semasa dengan memberikan notis awal **dua puluh satu (21)** hari terlebih dahulu kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad boleh melakukan penetapan Had Pemindahan Harian di mana-mana cawangan atau ATM Bank.
- 13.6. Bagi mengelakkan keraguan, Had Pemindahan Harian melalui ATM adalah berasingan daripada Had Pemindahan Harian melalui HLB Connect.
- 13.7. Pemegang Kad yang ingin menukar Notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect atau had amaran transaksi SMS dikehendaki membuat permintaan bertulis untuk menukar amaun/had yang telah ditetapkan sebelum ini atau menarik diri daripada Notifikasi melalui Aplikasi melalui HLB Connect atau perkhidmatan amaran SMS tersebut. Pemegang Kad boleh mendapatkan Borang Penyelenggaraan Perkhidmatan Amaran Transaksi Kad Debit ("**Borang**") di mana-mana cawangan Bank terdekat atau di laman web HLISB di <https://www.hlbislamic.com.my>. Pemegang Kad perlu melengkapkan Borang tersebut dan mematuhi arahan yang terdapat di dalamnya untuk menukar Notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect atau had amaran transaksi SMS atau menarik diri daripada perkhidmatan Notifikasi melalui Aplikasi HLB Connect atau amaran transaksi SMS tersebut.

14.0 Pematuhan Syariah

- 14.1. Apabila Akaun Pembelian Runcit yang dipautkan pada Kad Debit-i adalah CASA-i dan HLB Meezani Account-i, Kad Debit-i hanya boleh digunakan untuk pembelian Barangan dan

Perkhidmatan Patuh Syariah. Kad Debit-i tidak boleh digunakan di mana-mana peniaga yang menyediakan barangan dan perkhidmatan tidak patuh Syariah dan/atau untuk apa-apa transaksi tidak patuh Syariah yang dikategorikan mengikut Kategori perniagaan yang berikut:

- i. Bar, Ruang Koktel, Disko, Kelab Malam dan Kedai Minuman Keras
- ii. Pakej Bir, Wain dan Minuman Keras
- iii. Kedai dan Gerai Cerut
- iv. Transaksi Perjudian
- v. Pertaruhan - Perlumbaan Kuda, Perlumbaan Anjing, Pertaruhan Bukan Sukan Dalam Talian Antara Negeri
- vi. Perkhidmatan Janji Temu dan Teman

Nota: Senarai peniaga runcit tidak halal/aktiviti tidak mematuhi Syariah di atas adalah tidak menyeluruh dan akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

15.0 Kewajipan Pemegang Kad

- 15.1. Kecuali jika kerugian tersebut disebabkan oleh salah laku sengaja atau kecuaiian melampau oleh pihak Bank, Pemegang Kad bersetuju dan wajib untuk membayar balik dan membayar kepada pihak Bank atas permintaan bertulis pihak Bank semua tuntutan, permintaan, kerugian dan perbelanjaan (termasuk kos perundangan atas dasar peguam cara dengan pelanggan sendiri) dan semua liabiliti dalam apa jua bentuk atau jenis yang mungkin ditanggung atau dialami oleh pihak Bank berhubung dengan atau dalam apa jua cara yang timbul akibat daripada peruntukan Perkhidmatan atau penerimaan sebarang arahan yang diberikan oleh Pemegang Kad atau pelanggaran mana-mana T&S oleh Pemegang Kad. Liabiliti Pemegang Kad adalah merupakan liabiliti berterusan dan akan kekal berkuat kuasa sepenuhnya sehingga liabiliti Bank, jika ada, dilepaskan sepenuhnya.

16.0 Penggantungan, Pembatalan dan Penamatan Perkhidmatan

- 16.1. Pihak Bank berhak pada budi bicaranya menarik balik atau menggantung Kad Debit-i dan/atau mana-mana Perkhidmatan dan dalam keadaan sedemikian jika pihak Bank menganggapnya wajar untuk menamatkan penggunaan Kad Debit-i oleh Pemegang Kad dengan memberi notis bertulis kepada Pemegang Kad. Ia juga dipersetujui bahawa pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk mendedahkan sebab penamatan penggunaan Kad Debit-i.

17.0 Budi Bicara Bank

- 17.1. Pihak Bank berhak pada bila-bila masa menurut budi bicaranya menolak untuk meluluskan mana-mana Transaksi Kad walaupun terdapat Baki Semasa yang tersedia dalam Akaun Pemegang Kad yang membenarkan sebarang Transaksi Kad tersebut (iaitu terdapat dana yang mencukupi dalam Akaun).
- 17.2. Pihak Bank berhak mengikut budi bicaranya untuk:
- (a) menggantung hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad Debit-i sepenuhnya atau berkenaan dengan keistimewaan tertentu; dan
 - (b) menolak untuk mengeluarkan semula, memperbaharui atau menggantikan Kad Debit-i, tanpa apa jua keadaan, menjejaskan kewajipan Pemegang Kad di bawah T&S ini yang akan terus berkuat kuasa, dan tiada pemulangan sebarang Fi Tahunan atau fi lain yang dibayar jika hak untuk menggunakan Kad Debit-i digantung oleh pihak Bank atau jika Kad Debit-i tidak diperbaharui atau diganti.
- 17.3. Tanpa prejudis kepada peruntukan lain di dalam T&S ini, tertakluk pada prinsip Syariah dan garis panduan yang berkaitan, pihak Bank berhak pada bila-bila masa dengan memberi notis awal dua **puluh satu (21)** hari terlebih dahulu untuk memperkenalkan, menukar,

mengubah, mengehend atau menarik balik semua atau mana-mana manfaat, Perkhidmatan, kemudahan atau kelebihan yang berkaitan dengan atau berhubung dengan penggunaan Kad Debit-i dan/atau T&S ini.

18.0 Akaun Gantung

- 18.1 Untuk tujuan membolehkan pihak Bank mengekalkan keseluruhan liabiliti Pemegang Kad, apabila writ saman telah dikeluarkan atau untuk membuktikan kebangkrapan atau insolvensi Pemegang Kad atau untuk tujuan lain yang dianggap wajar oleh pihak Bank, pihak Bank boleh pada bila-bila masa dan tempat, menyimpan untuk suatu tempoh yang wajar, sebarang wang yang diterima, diperoleh semula atau direalisasikan selaras dengan T&S ini atau di bawah mana-mana cagaran atau jaminan untuk dikreditkan dalam akaun berasingan yang tidak menawarkan keuntungan di bawah nama Pemegang Kad sebagaimana dianggap wajar oleh pihak Bank tanpa mempunyai kewajiban segera di pihak Bank untuk memanfaatkan perkara yang sama tersebut atau sebahagian daripadanya untuk atau ke arah melunaskan jumlah yang perlu bayar dan terhutang kepada pihak Bank.

19.0 Tolak Selesai

- 19.1 Pemegang Kad bersetuju bahawa pihak Bank boleh, pada bila-bila masa dan dengan memberikan maklumat awal, menyatukan dan menggabungkan semua atau mana-mana Akaun Pemegang Kad dengan pihak Bank dalam apa jua perihal dan di mana jua berada dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa mata wang atau menolak selesai atau memindah sebarang jumlah yang sedia untuk dikredit ke dalam mana-mana Akaun tersebut termasuk akaun bersama di mana akaun bersama tersebut adalah di atas nama Pemegang Kad untuk melunaskan semua jumlah terhutang kepada pihak Bank di bawah mana-mana akaun Pemegang Kad dengan pihak Bank dalam apa jua perihal dan di mana-mana sahaja berada dan sama ada di dalam Ringgit Malaysia atau mata wang lain dan pihak Bank boleh berbuat demikian tanpa mengambil kira baki di dalam akaun tersebut dan jumlah terhutang mungkin bukan di dalam mata wang yang sama. Pemegang Kad dengan ini membenarkan pihak Bank untuk menguatkuasakan sebarang penyatuan, gabungan, tolak selesai atau pemindahan dengan penukaran mata wang yang sewajarnya pada kadar tukaran semasa Bank yang akan ditentukan oleh pihak Bank mengikut budi bicaranya.

20.0 Caj Balik

- 20.1. Pihak Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang tindakan atau pengabaian oleh mana-mana peniaga runcit atau dalam talian walau apa pun puncanya, termasuk tetapi tidak terhad kepada keengganan menerima Kad Debit-i atau sebarang Penyata atau komunikasi lain yang dibuat berkaitan dengannya, atau sebarang kecacatan atau kekurangan pada produk atau perkhidmatan. Pemegang Kad harus berhubung secara langsung dengan Peniaga Sah mengenai sebarang tuntutan atau pertikaian dan tidak akan mempertikaikan sebarang bayaran yang dibuat oleh pihak Bank dari Akaun Pemegang Kad ke atas tuntutan atau pertikaian tersebut.
- 20.2. Dalam keadaan tertentu, peraturan skim kad membenarkan Pemegang Kad untuk caj balik Transaksi Kad pada Peniaga Sah bagi transaksi yang telah dibuat (jika hak caj balik disediakan) tertakluk pada aduan atau pertikaian yang telah dibuat oleh Pemegang Kad kepada pihak Bank secara lisan atau bertulis dalam tempoh **dua puluh satu (21)** hari dari Tarikh Pengeposan Transaksi Kad tersebut di dalam Penyata dan Pemegang Kad telah menyediakan maklumat yang diperlukan oleh pihak Bank (iaitu nama Pemegang Kad, Akaun yang terlibat, tarikh dan jumlah Transaksi Kad yang dipertikaikan dan sebab Pemegang Kad percaya bahawa ia adalah Transaksi Kad yang dipertikaikan) untuk menyokong caj balik dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 20.3. Sekiranya Bank melanjutkan tempoh masa untuk menyelesaikan siasatan selepas **empat belas (14)** hari dari tarikh laporan terhadap Transaksi Kad yang dipertikaikan oleh Pemegang Kad kepada Bank, sama ada secara lisan atau bertulis, pihak Bank mestilah:

- (a) sekurang-kurangnya, mengkreditkan buat sementara waktu jumlah penuh transaksi yang dipertikaikan atau **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**, yang mana lebih rendah (termasuk apa-apa keuntungan yang berkenaan), ke dalam Akaun Pembelian Runcit tidak lewat daripada **empat belas (14)** hari dari tarikh Pemegang Kad mengemukakan maklumat kepada pihak Bank seperti yang dinyatakan di bawah Klausa 20.2 di sini;
 - (b) mengkreditkan baki Transaksi Kad yang dipertikaikan (termasuk apa-apa keuntungan yang berkenaan) tidak lewat daripada **tiga puluh (30)** hari dari tarikh pengkreditan pertama di mana pihak Bank telah mengkreditkan satu amaun ke dalam Akaun Pembelian Runcit mengikut Klausa 20.3 (a) yang mana dana tersebut adalah kurang daripada amaun Transaksi Kad yang dipertikaikan; dan
 - (c) membenarkan Pemegang Kad menggunakan sepenuhnya dana sementara yang dikreditkan.
- 20.4 Sekiranya Pemegang Kad dikehendaki membayar amaun transaksi atau Peniaga Sah telah mengembalikan jumlah transaksi tersebut secara langsung kepada Pemegang Kad, pihak Bank berhak mendebitkan amaun tersebut daripada Akaun Pembelian Runcit.
- 20.5 Tanpa mengambil kira dan tanpa prejudis kepada sebutan umum klausa di dalam T&S ini, Pemegang Kad bersetuju bahawa:
- (a) Penggunaan Kad Debit-i adalah atas risiko Pemegang Kad sendiri dan Pemegang Kad hendaklah menanggung semua risiko yang berkaitan atau yang timbul daripada penggunaan Kad Debit-i; dan
 - (b) Pemegang Kad tidak boleh membuat atau cuba untuk membuat apa-apa tuntutan palsu, penipuan atau menyalahi undang-undang berkenaan dengan Transaksi Kad yang dipertikaikan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pihak Bank berhak pada bila-bila masa menurut budi bicaranya untuk memulakan dan mengambil tindakan undang-undang dan/atau apa-apa prosiding lain sebagaimana yang pihak Bank anggap perlu terhadap Pemegang Kad setelah pihak Bank menemui atau menyedari tentang sebarang tuntutan palsu atau penipuan atau menyalahi undang-undang berkaitan dengan atau yang timbul daripada Transaksi Kad yang dipertikaikan.
- 20.6 Pihak Bank berhak untuk mengambil tindakan perundangan dan/atau apa-apa prosiding lain yang dianggap perlu oleh pihak Bank termasuk melaporkan apa-apa laporan yang sesuai atau perlu dengan pihak berkuasa yang berkaitan, terhadap Pemegang Kad yang melengahkan, menghalang dan/atau menyembunyikan maklumat penting daripada pihak Bank, membuat atau cuba untuk membuat tuntutan palsu berkenaan dengan apa-apa transaksi, menyiarkan tuntutan palsu di media tradisional atau sosial, dan/atau membuat laporan polis palsu mengenai apa-apa transaksi.
- 20.7 Tertakluk pada kepatuhan Pemegang Kad terhadap tanggungjawab yang dinyatakan dalam Klausa 20.2, sekiranya berlaku caj balik akibat aduan atau pertikaian oleh Pemegang Kad mengenai Transaksi Luar Negara (seperti yang dinyatakan di bawah Klausa 21.1) yang dilakukan dalam mata wang asing melalui Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF, amaun yang dicaj balik akan dikreditkan ke dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF Pemegang Kad dalam mata wang transaksi asal.
- 21.0 Transaksi Luar Negara**
- 21.1 Pemegang Kad boleh menggunakan Kad Debit-i untuk melakukan Transaksi Kad dan Transaksi Kad ATM di luar Malaysia (“**Transaksi Luar Negara**”) di mana terdapat Peniaga Sah dan/atau Saluran Tunai yang dibenarkan dengan syarat Pemegang Kad telah memilih untuk membenarkan Transaksi Luar Negara yang akan dilaksanakan pada Kad Debit-i mengikut Klausa 21.1 di sini.

- 21.2 Semua Transaksi Luar Negara adalah tertakluk pada undang-undang yang terdapat di negara di mana transaksi tersebut dilakukan. Untuk semua Transaksi Kad, kadar tukaran, di mana berkaitan, adalah kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi.
- 21.3 Pemegang Kad boleh menggunakan Kad Debit-i untuk pengeluaran tunai melalui ATM tertentu yang dipasang di negara yang diluluskan sebagaimana ditetapkan oleh pihak Bank dan/atau mana-mana Visa/Mastercard tertakluk pada semua caj yang dikenakan oleh Visa/Mastercard dan/atau pihak Bank termasuk semua caj yang dinyatakan dalam Klausula 21.5 dan 21.6.
- 21.4 Sekiranya Pemegang Kad menggunakan Kad Debit-i di ATM dan cawangan Peniaga di bawah rangkaian Visa/Mastercard di luar Malaysia, transaksi akan dicaj menggunakan mata wang rasmi negara tersebut dan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran yang mungkin ditentukan oleh Visa/Mastercard menurut budi bicaranya.
- 21.5 Transaksi Kad yang dilakukan dalam mata wang lain selain daripada Ringgit Malaysia akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia, pada tarikh ia diproses oleh Visa atau Mastercard mengikut kadar tukaran yang ditentukan oleh Visa atau Mastercard. Berikut adalah fi tambahan yang akan dikenakan ke atas pertukaran tersebut:
- i) Fi transaksi 1% yang dicaj oleh Visa dan/atau Mastercard; dan
 - ii) Caj tambahan 1% bagi penukaran wang asing yang dikenakan oleh pihak Bank.
- 21.6 Untuk Transaksi Luar Negara yang tertentu, Pemegang Kad boleh memilih untuk menggunakan perkhidmatan DCC untuk menukarkan transaksi mata wang asing kepada Ringgit Malaysia. Walau bagaimanapun, jika DCC dipilih:
- i) Kadar tukaran asing yang digunakan oleh peniaga mungkin lebih tinggi daripada kadar tukaran yang ditentukan oleh Visa or Mastercard; dan
 - ii) Pemegang Kad akan dikenakan fi transaksi sebanyak 1% ke atas amaun Ringgit Malaysia yang ditukarkan, dan fi tersebut dikenakan oleh Visa atau Mastercard.
- 21.7 Sekiranya Pemegang Kad memilih untuk melakukan transaksi dalam mata wang asing menggunakan Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF, transaksi tersebut akan berlaku sekiranya mata wang asing yang dipilih mempunyai baki yang mencukupi di dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF. Transaksi tersebut tidak akan dikenakan fi yang dinyatakan di bawah Klausula 21.5. Walau bagaimanapun, sekiranya mata wang asing yang dipilih oleh Pemegang Kad tidak mencukupi, transaksi tersebut akan disempurnakan dalam Ringgit Malaysia dan akan didebit daripada baki Ringgit Malaysia yang terdapat dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF Pemegang Kad dan caj yang dinyatakan di bawah Klausula 21.5 akan dikenakan.
- 21.8 Meskipun adanya Klausula 21.7, sekiranya institusi kewangan peniaga luar negara menyempurnakan/membenarkan Transaksi Luar Negara dalam Ringgit Malaysia, bukannya dalam mata wang asing yang dipilih oleh Pemegang Kad, transaksi tersebut akan didebit daripada Akaun Pembelian Runcit Pemegang Kad dalam Ringgit Malaysia walaupun Pemegang Kad mempunyai baki mata wang asing yang mencukupi dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF.
- 21.9 Bagi Transaksi Kad yang disempurnakan dari Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF dalam mata wang asing:
- i) sekiranya terdapat bayaran balik oleh Peniaga Sah dalam tempoh **enam puluh (60)** hari dari tarikh transaksi, dan pihak Bank berjaya memadamkan bayaran balik tersebut kepada transaksi asal, bayaran balik tersebut akan dikreditkan ke dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF dalam mata wang transaksi asal. Sebaliknya, bayaran balik tersebut akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran semasa Bank pada masa pihak Bank mengkreditkan bayaran balik tersebut ke dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF Pemegang Kad.

- ii) sekiranya Peniaga Sah mengemukakan permintaan untuk bayaran balik selepas tempoh **enam puluh (60)** hari daripada tarikh transaksi, bayaran balik kepada Pemegang Kad akan disempurnakan dalam Ringgit Malaysia and tukaran daripada mata wang yang berkenaan kepada Ringgit Malaysia adalah pada kadar tukaran semasa Bank ketika pihak Bank mengkreditkan bayaran balik tersebut ke dalam Akaun Yang Diupayakan Dengan MCF Pemegang Kad.
- 21.10 Pemegang Kad perlu mematuhi Notis FEP yang dikeluarkan oleh BNM berkaitan dengan sebarang transaksi, termasuk Transaksi Luar Negara, yang boleh didapati di laman web BNM. Pemegang Kad bertanggungjawab atas sebarang pengingkaran atau ketidakpatuhan kepada peraturan tersebut dan pindaan yang dibuat terhadapnya.
- 22.0 Keperluan Pilih Masuk bagi Transaksi Luar Negara dan Transaksi Tanpa Kad**
- 22.1 Pemegang Kad tidak dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa Transaksi Luar Negara dan/atau Transaksi Kad Tidak Hadir melainkan Pemegang Kad telah mendaftarkan arahnya untuk memilih masuk bagi melaksanakan Transaksi Luar Negara dan/atau Transaksi Kad Tidak Hadir melalui HLB Connect, ATM Bank, kunjungi mana-mana cawangan Bank atau hubungi Pusat Panggilan Hong Leong di **03-7626 8899**, jika tidak, Transaksi Luar Negara dan/atau Transaksi Kad Tidak Hadir akan ditolak.
- 23.0 Platform Pembayaran atau Rangkaian**
- 23.1 Walaupun Kad Debit-i menyokong MyDebit yang hanya boleh digunakan di dalam Malaysia, dan Visa/Mastercard yang diterima di dalam Malaysia dan di luar negara, apabila Kad Debit-i digunakan di Peniaga Sah di Malaysia, ia adalah tertakluk pada pilihan rangkaian oleh Peniaga Sah tersebut (iaitu sama ada MyDebit atau Visa/Mastercard) bagi tujuan memproses pembayaran.
- 23.2 Pemegang Kad tidak dibenarkan untuk meminta Peniaga Sah untuk menukar rangkaian kad debit yang telah dipilih.
- 24.0 Pengganti**
- 24.1 T&S ini akan diguna pakai untuk waris, wakil peribadi dan pengganti Pemegang Kad dan pihak Bank masing-masing.
- 25.0 Undang-undang dan Bidang Kuasa yang Terpakai**
- 25.1 T&S ini akan tertakluk pada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia tetapi dalam menguatkuasakan haknya, pihak Bank bebas untuk memulakan dan mengambil tindakan atau prosiding atau selainnya terhadap Pemegang Kad dan mana-mana pihak di Malaysia dan/atau di tempat lain seperti yang dianggap sesuai oleh pihak Bank. Pemegang Kad bersetuju bahawa apabila apa-apa tindakan atau prosiding dimulakan dan diambil di Malaysia, ia hendaklah tertakluk pada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia dalam semua hal yang berkaitan dengan kewajipan dan liabilitinya di bawah atau yang timbul daripada Akaun dan T&S ini.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang melayani anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.

[TAMAT]